

Enakmen 14/73 Perbadanan Perpustakaan
Awam Kelantan



7

NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27
Bil. 3

31hb Januari, 1974

TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri, Kelantan, pada 23hb Disember, 1973, adalah diisytiharkan untuk pengetahuan am:

| Bil. Enakmen | Tajuk ringkas | Muka |
|--------------|--|------|
| 14. | Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, 1973 | 59 |
| 15. | Enakmen Perbadanan Stadium Kelantan, 1973 | 85 |
| 16. | Enakmen Perbekalan (1974) Tahun 1974 | 105 |

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly, Kelantan, on the 23rd December, 1973, are published for general information:

| Enactment No. | Short title | Page |
|---------------|---|------|
| 14. | Kelantan Public Library Corporation Enactment, 1973 | 71 |
| 15. | Kelantan Stadium Corporation Enactment, 1973 ... | 97 |
| 16. | Supply (1974) Enactment, 1974 | 107 |

ENAKMEN Bil. 14 tahun 1973

SAYA BERSETUJU,

YAHYA PETRA,
Sultan Kelantan

 Mohor
Negeri

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan suatu Perbadanan yang dinamakan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[11hb. Julai, 1974] Kn.P.U. 13/74

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, 1973, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Raja melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas dan
mula ber-
kuatkuasa.

2. Di dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain:

Tafsiran.

“Bahan Perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik, termasuk tulisan tangan, tulisan taip, buku, akhbar, majallah berkala, muzik, gambarfoto, peta, cetakan, lukisan dan lain-lain bentuk seni grafik, filem, jalur filem, piring hitam, rakaman pita dan lain-lain rakaman pada kertas, filem, atau lain-lain bahan dan pengeluaran ulangnya;

“Kumpulanwang” ertinya Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah seksyen 16;

“Negeri” ertinya Negeri Kelantan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Perpustakaan Awam” ertinya Perpustakaan Awam Kelantan yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 8 dan termasuk cawangan-cawangan Perpustakaan Awam dan perpustakaan-perpustakaan bergerak yang mungkin ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 9;

“Perpustakaan bergerak” ertinya sesuatu perpustakaan yang bergerak dari suatu tempat ke suatu tempat di dalam Negeri dengan menggunakan kenderaan yang disesuaikan bagi maksud itu;

“Tahun kewangan” ertinya satu jangka masa yang tidak melebihi dua belas bulan dan tidak kurang dari enam bulan berakhir pada 31hb Disember.

BAHAGIAN II

PERBADANAN

Penubuhan
Perbadanan.

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu per-tubuhan perbadanan yang dinamakan “Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan” yang turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa.

(2) Perbadanan itu hendaklah mempunyai suatu meteri dan boleh dari semasa ke semasa menukar, mengubah atau membaharui meteri tersebut, sebagaimana yang difikirkannya patut, dan sehingga suatu meteri diadakan di bawah seksyen ini suatu cap yang mengandungi tulisan “Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan” boleh digunakan sebagai meteri.

(3) Meteri atau cap Perbadanan itu hendaklah diberi pengiktirafan resmi dan kehakiman.

Keahlian
Perbadanan.

4. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Wakil dari Persatuan Perpustakaan Malaysia;
- (d) seorang Wakil dari Perpustakaan Negara;
- (e) Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Pelajaran Negeri atau wakil-wakil mereka;
- (f) empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar, dua daripadanya adalah wakil dari Persatuan-persatuan Kesusasteraan atau Kebudayaan yang berdaftar;
- (g) empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar untuk mewakili pihakberkuasa Kerajaan Tempatan.

(2) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik di atas apa-apa syarat oleh Raja dalam Mesyuarat dan hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama tiga tahun melainkan jika perlantikannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.

(3) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (f) seksyenkecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama tiga tahun melainkan jika perantikannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.

(4) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (g) seksyenkecil (1) hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama satu tahun melainkan jika perantikannya terlebih dahulu dibatalkan atau dikosongkan atau ianya terlebih dahulu meletakkan jawatan.

(5) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (a) dan (b) seksyenkecil (1) boleh dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.

(6) Semasa Pengerusi tidak ada, Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai semua kuasa-kuasa Pengerusi.

(7) Semasa Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak berdaya kerana sakit atau apa-apa jua sebab lain, atau semasa Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak ada dalam negeri, Menteri Besar boleh melantik seseorang untuk menjadi Pengerusi sementara yang mempunyai semua kuasa-kuasa Pengerusi.

(8) Apa-apa kekosongan boleh diisi oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri Besar.

Dengan syarat bahwa ahli-ahli yang dilantik untuk mengisi jawatan ahli-ahli di perenggan-perenggan (f) dan (g) hendaklah dari kategori orang-orang yang sama seperti yang tersebut di dalam perenggan-perenggan itu.

Dengan syarat selanjutnya bahwa tiada apa-apa jua tindakan atau langkah-langkah pembicaraan Perbadanan itu boleh menjadi tidak sah atau menyalahi undang-undang hanya oleh sebab sesuatu kekosongan itu semasa sesuatu tindakan atau langkah-langkah pembicaraan itu diambil oleh Perbadanan.

5. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Perbadanan apa-apa elaun perjalanan atau lain-lain elaun berkaitan dengan kehadiran di mesyuarat-mesyuarat Perbadanan atau menjalankan apa-apa tugas Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Besar.

Elaun
ahli-ahli.

6. (1) Perbadanan hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam sesuatu tahun kewangan.

Mesyuarat
Perbadanan.

(2) Mesyuarat-mesyuarat Perbadanan hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi boleh pada bila-bila masa memanggil suatu mesyuarat Perbadanan dan hendaklah di atas permintaan bertulis daripada tidak kurang dari lapan orang ahli memanggil suatu mesyuarat khas dalam masa sebulan dari tarikh permintaan tersebut.

(4) Minit-minit bagi tiap-tiap satu mesyuarat Perbadanan hendaklah disimpan dan minit-minit tersebut hendaklah disahkan dan ditandatangani di mesyuarat yang berikut selepas itu oleh Pengerusi.

(5) Perbadanan boleh menjemput seorang atau beberapa orang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Perbadanan yang tertentu bagi maksud membantu atau menasihati Perbadanan tetapi orang-orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi.

Quorum.

7. (1) Quorum di semua mesyuarat Perbadanan ialah lapan orang.

(2) Jika mengenai apa-apa soal untuk ditentukan oleh Perbadanan undinya sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus selain daripada undi asalnya.

BAHAGIAN III

KUASA-KUASA DAN TUGAS-TUGAS PERBADANAN

Tugas-tugas Perbadanan.

8. Tugas-tugas Perbadanan ialah:

- (a) menubuh, melengkap, mengurus dan menyelenggarakan Perpustakaan Awam Kelantan;
- (b) mengembangkan dan menggalakkan pembacaan khususnya dalam Bahasa Kebangsaan;
- (c) mengembangkan dan menggalakkan penggunaan buku-buku di Perpustakaan Awam untuk rujukan dan untuk pinjaman tertakluk kepada pemeliharaan yang sempurna terhadap kehilangan atau kerosakan;
- (d) memperolehi suatu kumpulan lengkap buku-buku yang ada hubungan dengan Negeri atau yang diterbitkan di dalam Negeri;
- (e) mendapatkan dan mengadakan penerangan pusat mengenai sumber-sumber dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan dalam Negeri bagi pihak Perpustakaan Negara;
- (f) bertindak sebagai ejensi pengelolaan untuk memberi pinjam dan pertukaran buku-buku pada peringkat antara Negeri dan di antara Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Negara;

- (g) mengadakan perkhidmatan rujukan, bibliografi dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan kepada Jabatan-jabatan Negeri dan Dewan Undangan Negeri;
- (h) melakukan apa-apa perkara dan benda lain yang difikirkan perlu bagi menjalankan atau melaksanakan ke semua atau apa-apa maksud Enakmen ini.

9. Perbadanan boleh :

Kuasa-kuasa
Perbadanan.

- (a) menubuh, mengurus dan menyelenggarakan cawangan-cawangan Perpustakaan Awam di mana-mana bahagian dalam Negeri;
- (b) mengadakan dan menyelenggarakan perpustakaan-perpustakaan bergerak;
- (c) menasihati perpustakaan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri di dalam Negeri;
- (d) membeli, menukar, meminjam dan menerima buku-buku dan lain-lain harta alih bersangkutan dengan penubuhan dan pengurusan Perpustakaan Awam;
- (e) membeli, menukar, memajak dan memegang tanah, bangunan-bangunan dan lain-lain harta takalih bagi penubuhan Perpustakaan Awam dan bagi apa-apa maksud yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas Perbadanan;
- (f) mengambil alih mana-mana perpustakaan dalam Negeri dengan persetujuan perpustakaan tersebut dan pada melakukannya boleh membuat kontrak atau perkiraan yang menasabah dengan mana-mana orang, kelab, persatuan atau kerajaan tempatan dengan kelulusan Raja dalam mesyuarat;
- (g) membuat perhubungan dan bekerjasama setakat mana dan atas apa-apa syarat yang difikirkan perlu dengan perpustakaan-perpustakaan lain, institusi-institusi pengajian tinggi atau mana-mana pertubuhan antara bangsa sama ada dalam Negeri-negeri di Malaysia atau sebaliknya;
- (h) mengadakan latihan-latihan bagi orang-orang untuk menjalankan tugas-tugas iktisas dan bukan iktisas dalam perpustakaan-perpustakaan;
- (i) melantik jawatankuasa-jawatankuasa khas yang kepadanya Perbadanan boleh mewakili apa-apa tugas pentadbirannya;
- (j) membuat apa-apa kontrak atau melakukan apa-apa tindakan atau kerja lain sebagaimana yang perlu dan patut bagi melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini.

Kuasa meminjam.

10. Perbadanan boleh dari semasa ke semasa meminjam dengan apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat mengenai masa dan cara pembayaran balik dan menjamin pembayaran balik dan sebaliknya sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri, apa-apa jumlah wang yang perlu bagi menunaikan apa-apa perbelanjaan modal bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) pampasan yang kena dibayar oleh Perbadanan bagi pemerolehan tanah;
- (b) kos bagi memperolehi tanah, bangunan atau lain-lain harta takalih bagi maksud Enakmen ini;
- (c) kos bagi membina bangunan-bangunan bagi Perpustakaan Awam dan membeli kenderaan-kenderaan bagi penubuhan perpustakaan bergerak atau membaharui bangunan-bangunan itu atau kenderaan-kenderaan itu dan kerja yang berkaitan dengannya;
- (d) kos bagi membeli buku-buku; dan
- (e) apa-apa kos lain yang difikirkan perlu untuk melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini.

Kuasa-kuasa melabur. 66 Tahun 1949.

11. Perbadanan boleh melabur mana-mana bahagian daripada Kumpulan Wangnya yang tidak diperlukan untuk kegunaan segera ke dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh Ordinan Pemegang Amanah, 1949, atau dengan apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Besar.

BAHAGIAN IV

PEGAWAI-PEGAWAI, PENJAWAT-PENJAWAT DAN LAIN-LAIN PERBADANAN

Pegawai-pegawai dan Penjawat-penjawat.

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 23, Perbadanan boleh melantik pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan adalah di bawah kawalan pentadbiran Pengerusi atau seseorang pegawai yang dilantik oleh Pengerusi.

(3) Ahli-ahli, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai Pegawai Kerajaan menurut makna yang terkandung dalam Kanun Kesiksaan.

(4) Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar membuat peraturan-peraturan bagi penubuhan suatu Kumpulan Wang Simpanan Pencarum-pencarum bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat yang dilantik di bawah Enakmen ini.

13. Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar mengambilkerja dan membayar gaji penasihat-penasihat teknik atau penasihat-penasihat profesional seperti peguamcara, banker, penilai atau pakar perpustakaan bagi menguruskan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa tindakan yang perlu diuruskan atau dilakukan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan Perbadanan atau bagi melaksanakan dengan lebih sempurna maksud-maksud Enakmen ini dan membayar segala bayaran dan perbelanjaan yang dikenakan.

Kuasa mengambilkerja
Penasihat.

14. Ordinan Perlindungan Pihakberkuasa Awam, 1948 hendaklah dipakai terhadap apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicaraan terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, penjawat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa tindakan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan oleh Perbadanan atau orang-orang seperti itu atas sifatnya yang demikian itu.

Ordinan
Perlindungan
Pihakberkuasa
Awam, F.M.
No. 19 tahun
1948.

15. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu ibu pejabat di Kota Bharu atau pada satu tempat sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Perbadanan dan diluluskan oleh Menteri Besar.

Pejabat
Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh menubuhkan pejabat-pejabat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu oleh Perbadanan.

BAHAGIAN V

KUMPULANWANG DAN HASIL PERBADANAN

16. (1) Bagi maksud Enakmen ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulanwang yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan.

Kumpulanwang
Perbadanan.

(2) Kumpulanwang Perbadanan hendaklah terdiri daripada:

- (a) apa-apa jumlah wang yang, dari semasa ke semasa, diuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi maksud itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh pihakberkuasa tempatan bagi maksud-maksud Perbadanan;
- (c) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didermakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, Kerajaan mana-mana Negeri lain, yayasan-yayasan atau oleh mana-mana orang lain bagi maksud-maksud Perbadanan;
- (d) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didapati oleh Perbadanan melalui pinjaman;

- (e) apa-apa jumlah wang yang mungkin dikutip oleh Perbadanan melalui bayaran-bayaran atau denda-denda;
- (f) segala bunga di atas pelaburan-pelaburan bagi mana-mana bahagian Kumpulanwang;
- (g) segala jumlah wang yang diperolehi oleh Perbadanan secara langsung atau secara tidak langsung dari harta alih atau harta takalih yang dipunyai oleh Perbadanan.

Penggunaan
Kumpulan-
wang
Perbadanan.

17. Kumpulanwang Perbadanan boleh digunakan untuk menanggung bayaran-bayaran yang berikut:

- (a) elaun-elaun bagi ahli-ahli untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Perbadanan;
- (b) gaji-gaji, bayaran-bayaran atau saraan-saraan pegawai-pegawai, ejen-ejen dan penjawat-penjawat dan penasihat teknik atau lain-lain penasihat Perbadanan;
- (c) segala kos bayaran dan perbelanjaan Perbadanan dan segala kos, bayaran dan perbelanjaan yang berkenaan dengan perjalanan kuasa-kuasa Perbadanan di bawah Enakmen ini;
- (d) bunga di atas apa-apa pinjaman yang dipinjam dengan sah oleh Perbadanan;
- (e) jumlah wang yang diperlukan untuk membayar balik wang-wang yang dipinjam;
- (f) apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut diketepikan berkenaan dengan kesusutan harta Perbadanan.

Akaun
Bank.

18. (1) Segala wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dengan serta merta dimasukkan ke dalam sesuatu akaun di dalam mana-mana bank atau bank-bank sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Segala pesanan atau cek terhadap akaun yang tersebut itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan semasa Pengerusi tidak ada oleh Timbalan Pengerusi dan seorang ahli yang diberikuasa oleh Perbadanan.

Akaun dan
odit.

19. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod yang betul mengenai perjalanannya dan hendaklah mengarahkan supaya disediakan suatu penyata akaun mengenai tiap-tiap tahun kewangan.

(2) Akaun-akaun Perbadanan hendaklah diodit pada tiap-tiap tahun oleh Juruodit Negara.

(3) Pada penghujung tiap-tiap satu tahun kewangan, suatu salinan penyata akaun yang telah diodit itu hendaklah dikemukakan kepada Raja dalam Mesyuarat dan kepada Perpustakaan Negara bersama-sama dengan suatu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh Juruodit Negara di atas penyata akaun Perbadanan itu.

20. (1) Perbadanan hendaklah dengan secepat mungkin selepas tamatnya tiap-tiap satu tahun kewangan, mengarahkan supaya dibuat dan mengemukakan kepada Raja dalam Mesyuarat dan kepada Perpustakaan Negara suatu laporan yang membicarakan dengan am kegiatan-kegiatan Perbadanan di dalam tahun kewangan yang terdahulu dan mengandungi apa-apa penerangan berkenaan dengan perjalanan dan dasar Perbadanan.

Penyataan tahunan.

(2) Suatu salinan tiap-tiap laporan seperti itu hendaklah dibentangkan di atas meja persidangan Dewan Negeri.

BAHAGIAN VI PELBAGAI PERKARA

21. Seseorang yang di mana-mana bahagian Perpustakaan Awam yang ditubuh, diselenggara atau diuruskan oleh Perbadanan:

Kesalahan-kesalahan.

- (a) berkelakuan tidak senonoh; atau
- (b) menggunakan bahasa yang mencaci atau lucah; atau
- (c) bertaruh atau berjudi; atau
- (d) sesiapa, selepas diberi amaran yang sempurna enggan keluar dari perpustakaan selepas masa yang ditetapkan untuk menutup Perpustakaan Awam

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan tidak lebih daripada tiga ratus ringgit atau dua bulan penjara, dan berkenaan dengan kesalahan yang kedua atau kesalahan yang berikutnya boleh dikenakan denda tidak lebih daripada enam ratus ringgit atau empat bulan penjara.

22. Seseorang pegawai atau penjawat Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 12 boleh menangkap tanpa waran:

Tangkapan tanpa waran.

- (a) seseorang disyaknya dengan menesabah telah melakukan atau cuba melakukan dihadapannya apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(L) seseorang yang dikeluarkan waran ke atasnya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mesih ada, walaupun waran itu tidak ada dalam miliknya;

hendaklah dengan secepat mungkin mengemukakan atau mengarahkan supaya dikemukakan orang itu menurut peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah.

Kuasa untuk
membuat
Perintah-
perintah
Tetap.

23. Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri Besar membuat Perintah-perintah Tetap yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini:

(a) menetapkan acara di mesyuarat Perbadanan;

(b) menetapkan cara-cara bagaimana apa-apa jenis surat dan apa-apa jenis suratcara boleh ditandatangani atau dilaksanakan bagi pihak Perbadanan;

(c) menetapkan tanggungjawab dan pengawalan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan;

(d) menetapkan keadaan-keadaan yang membolehkan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan menerima perbelanjaan perjalanan, elaun sara hidup atau lain-lain elaun dan menetapkan kadar perbelanjaan-perbelanjaan dan elaun-elaun tersebut;

(e) secara am untuk menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Perbadanan di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Kuasa
membuat
Peraturan.

24. (1) Perbadanan boleh dengan ketetapan yang dibuat di mesyuarat Perbadanan membuat kaedah-kaedah yang perlu dan patut bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini dengan lebih berkesannya dengan tidak menyentuh keluasan peruntukan yang tersebut di atas membuat kaedah-kaedah bagi:

(a) mengatur keahlian Perpustakaan Awam;

(b) menetapkan borang permohonan untuk menjadi ahli Perpustakaan Awam;

(c) memerlukan supaya diberi penjamin atau jaminan oleh seseorang yang menggunakan Perpustakaan Awam;

(d) membuat peruntukan mengenai penggantungan, pembatalan, penamatan atau kehilangan kelayakan keahlian Perpustakaan Awam;

(e) mengatur kegunaan Perpustakaan Awam dan membuat peruntukan bagi melindungi Perpustakaan Awam dan segala yang terdapat di dalamnya daripada kecederaan, kerosakan, atau salahguna;

- (f) mengatur bagi senggaraan mutu yang sempurna dan kelakuan ahli-ahli Perpustakaan Awam dan menguruskan pelanggaraannya;
- (g) memberikuasa kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perpustakaan Awam untuk menahan kemasukan atau mengeluarkan orang-orang yang melakukan apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini atau perintah-perintah yang dibuat di bawahnya daripada mana-mana kawasan yang digunakan berhubung dengan Perpustakaan Awam;
- (h) mengatur kemasukan kenderaan-kenderaan ke dalam kawasan Perpustakaan Awam dan mengawal lalu-lintas di dalamnya;
- (i) menetapkan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa;
- (j) menetapkan cara-cara bagaimana buku-buku boleh diguna, dirujuk atau dipinjam, dan tanggungan ahli-ahli Perpustakaan Awam apabila buku-buku hilang atau rosak; dan
- (k) bagi maksud-maksud lain sama ada dari jenis yang sama seperti di atas atau tidak yang perlu atau patut di dalam atau berkenaan dengan pengurusan Perpustakaan Awam.
- (2) Apa-apa Peraturan yang dibuat di bawah seksyen-kecil (1) tidak boleh berjalan kuatkuasa melainkan disahkan oleh Raja dalam Mesyuarat dan disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VII

PEMINDAHAN ASET, TANGGUNGAN, TUGAS-TUGAS PEGAWAI DAN PENJAWAT

25. (1) Dengan berkuatkuasanya Enakmen ini, semua tanah-tanah, bangunan-bangunan, buku-buku dan lain harta alih atau takalih-kepunyaan Perpustakaan Carnegie, termasuk semua aset, kuasa-kuasa, hak-hak, kepentingan-kepentingan dan lain-lain keistimewaan perpustakaan tersebut hendaklah dipindahmilik dan diletakhak pada Perbadanan tanpa sebarang tindakan lanjut.

Pindahan aset dan tanggungan Perpustakaan Carnegie kepada Perbadanan.

(2) Dengan pemindahanmilik itu, semua hutang, tanggungan-tanggungan dan kewajipan-kewajipan Perpustakaan hendaklah juga dipindah dan dianggap sebagai dilakukan oleh Perbadanan.

26. Dengan berkuatkuasa Enakmen ini, mana-mana pegawai dan penjawat Perpustakaan Carnegie bolehlah disifatkan ditukarkan kepada Perkhidmatan Perbadanan atas kadar gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang akan ditetapkan oleh Perbadanan.

Pertukaran pegawai-pegawai dan penjawat Perpustakaan Carnegie.

BAHAGIAN VIII

PENGKULUNGAN PERBADANAN

27. (1) Raja dalam Mesyuarat boleh dengan perintah dalam *Warta* mengarahkan supaya Perbadanan digulung dan dibubarkan.

(2) Apa-apa kelebihan daripada pengkulungan Perbadanan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan dan apa-apa kekurangan hendaklah dibayar daripada wang-wang yang diperuntukkan oleh Dewan Negeri.

(3) Pengkulungan Perbadanan hendaklah dijalankan dengan cara yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat.

(4) Walauapapun yang terkandung dalam Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, dari tarikh penyiaran perintah di bawah seksyenkecil (1) apa-apa hak atau keistimewaan mana-mana ahli, pegawai atau penjawat Perbadanan atau ahli Perpustakaan Awam hendaklah disifatkan sebagai ditamatkan dengan sah.

Diluluskan pada 23 haribulan Disember, 1973.
[SUK (Kn.) 50/63/III; P.U. Kn. 267.]

NIK ISHAK BIN DATUK HAJI NIK DAUD,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri, Kelantan